

youth - social problems  
p. 91 - 110  
pemikir (Juli - Sept 06)

# Antara Masalah Pembelajaran dan Masalah Sosial

● Supyan Hussin  
& Saharudin Ujang

## ABSTRAK

Masalah pembelajaran adalah lebih serius daripada masalah sosial di kalangan pelajar sekolah. Satu kajian dijalankan pada awal tahun lepas (2004) bagi meneliti sejauh manakah seriusnya masalah yang dihadapi dan apakah implikasinya dalam pengurusan masalah pelajar di sekolah-sekolah. Satu kajian awal melibatkan sekitar 1,463 pelajar sekolah di Negeri Sembilan dan Pahang sepanjang Februari hingga Julai 2004 menunjukkan terdapat pelbagai masalah yang dihadapi oleh pelajar. Artikel ini akan membincangkan lima kategori: masalah pembelajaran (kognitif), masalah dengan keluarga atau di rumah, masalah dengan rakan, masalah dengan sekolah dan masalah sahsiah atau diri pelajar (peribadi, sikap dan tabiat). Sebahagiannya kelihatan lebih serius dan memerlukan perhatian segera oleh pihak pengurusan sekolah, ibu bapa, badan bukan kerajaan dan ahli masyarakat. Manakala sebahagian masalah yang lain boleh ditangani secara beransur-ansur.

## PENDAHULUAN

TERLALU banyak yang diperkatakan tentang masalah pelajar di dalam media. Tetapi fokus masalah pelajar yang dibicarakan kebanyakannya lebih tertumpu kepada isu ponteng sekolah, hisap rokok, masalah disiplin, lepak, buli, gengsterisme, merokok, dadah dan gejala sosial. Kelakuan negatif ini dianggap sebagai masalah sosial (Mardzelah dan Mohamad Fadli, 2004). Isu-isu ini mendapat liputan media dan perhatian umum walaupun bilangan kejadian ponteng sekolah, dadah, gengsterisme dan merokok ini adalah kecil. Misalannya menurut laporan bilangan kes ala samseng dan seksual di sekolah seluruh negara bagi tempoh antara 2000 hingga 2003 ialah masing-masing 176 kes dan 672 kes. Manakala jumlah kes buli bagi tempoh sepanjang 2003 pula ialah 909 kes iaitu 0.02 peratus daripada lima juta pelajar di negara ini (Marzita, 2004). Bilangan ini adalah terlalu kecil dan boleh dianggap terpencil jika dibandingkan dengan bilangan lima juta pelajar ini.

Walaupun kecil, masalah kronik ini apabila dibiarkan tanpa kawalan, ia boleh membawa kepada masalah yang lebih besar. Contohnya terdapat kes 'buli atau gengsterisme ini yang membawa kepada kecederaan dan pembunuhan. Antaranya pada tahun 2003, 20 pelajar Sekolah Tuanku Abdul Rahman (STAR) disingkir kerana cuba menghidupkan kembali budaya 'High Council' di sekolah tersebut. Seterusnya masyarakat dikejutkan dengan penyingkiran beberapa orang pelajar di sekolah asrama penuh yang ternama iaitu Kolej Melayu Kuala Kangsar (MCKK) akibat menyerang guru mereka (*Berita Harian*, 18 Ogos 2003) dan kes lapan pelajar Sekolah Menengah Teknik Batu Pahat dihadapkan ke mahkamah akibat mem-belasah seorang rakan mereka sehingga kehilangan sebelah buah pinggangnya (*Berita Harian*, 2 September 2003). Pada tahun 2004, berlaku kes pembunuhan melibatkan seorang pelajar Sekolah Menengah Agama Datuk Klana Petra Maamor, Ampangan, Negeri Sembilan yang dipukul oleh beberapa orang pelajar di asrama kerana isu cerek air panas (*Utusan Malaysia*, 30 Mac 2004).

Satu kajian lain yang dijalankan oleh Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan (NUTP) mengenai isu kemerosotan tahap disiplin di sekolah-sekolah menunjukkan masalah yang hampir sama (Marzita, 2004). Kajian yang melibatkan 1,305 guru di seluruh negara mendapati bahawa hampir dua per tiga daripada guru berkenaan mengakui bahawa mereka tidak dapat mengawal masalah disiplin dalam kelas dengan lebih efektif. Antara masalah utama dalam kelas ialah pelajar suka berjalan-jalan, bercakap dan tidak memberi perhatian semasa guru mengajar. Menurut dapatan kajian ini, ajaran dan masalah berkaitan dengan pembelajaran mereka. Artikel ini akan meneliti perkara berkenaan. Oleh kerana tidak terdapat laporan kajian masa lalu yang mengemukakan kategori yang jelas dalam pembahagian masalah pembelajaran pelajar dan masalah berkaitan dengan pembelajaran, tulisan ini akan melihatnya dari sudut lima kategori (1) masalah pembelajaran (kognitif), (2) masalah dengan keluarga atau di rumah, (3) masalah dengan rakan, (4) masalah dengan sekolah dan (5) masalah sahsiah atau diri pelajar (peribadi, sikap dan tabiat). Kesemua kategori bersifat saling bergantung di antara satu sama lain dalam menyumbang kepada masalah pembelajaran pelajar.

**Jadual 1: Kategori masalah dan skop**

KATEGORI	SKOP
Pembelajaran kognitif	Masalah belajar sendirian: kemahiran-kemahiran asas Masalah belajar dalam kelas: menumpu perhatian
Keluarga/rumah	Masalah dengan ahli keluarga Masalah persekitaran rumah
Rakan	Masalah dengan rakan di sekolah atau di rumah Masalah interaksi sosial di dalam dan di luar bilik darjah
Sekolah	Masalah dengan guru di sekolah Masalah dengan suasana sekolah dan asrama
Sahsiah	Masalah wawasan diri, keyakinan diri Masalah sikap, tabiat, kelakuan

Kajian yang dijalankan di antara bulan Februari hingga Julai 2004 ini bertujuan meneliti seserius manakah masalah pelajar yang digolongkan dalam lima kategori di atas. Oleh kerana kajian mengenai skop masalah ini di sekolah-sekolah jarang dijalankan, maka ia menjadi satu keperluan bagi memahami dengan lebih mendalam mengenai fenomena pelajar di sekolah. Artikel ini akan memaparkan dapatan kajian mengenai masalah pelajar di sekolah-sekolah menengah di Pahang.

### KECEMERLANGAN PEMBELAJARAN

Kejayaan cemerlang dalam pembelajaran adalah didorong oleh beberapa faktor; diri sendiri, kemahiran atau teknik belajar, keluarga, dan persekitaran. Beberapa pelajar berjaya mencipta nama dalam negara dalam peperiksaan SPM dan PMR telah merakamkan beberapa perkara yang meyumbang kepada kejayaan mereka.

Kui Eng Chuan, dari Sekolah Tinggi Klang, mencatatkan keputusan cemerlang dalam peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) 2003 dengan mendapat 4A dengan pangkat 1 bagi semua empat kertas peperiksaan yang didudukinya berkata, "Saya selalu bertanya kepada guru sehingga saya dapat memahami konsep sesuatu topik yang diajar mereka dengan baik, apabila sudah benar-benar faham, maka mudahlah saya untuk mengulang kaji pelajaran seperti biasa tanpa perlu mentelaah untuk tempoh berjam-jam," (*Portal Utusan*, 27 Februari 2004).

Chu Leng Hock, juga dari Sekolah Tinggi Klang, yang mendapat keputusan 5A dalam peperiksaan STPM 2003 berkata cara pembelajaran yang sistematik merupakan faktor utama kejayaannya itu. "Saya membahagikan masa saya dengan betul, semasa di kelas saya menumpukan kepada penerangan guru. Selain itu, saya juga kerap mengadakan perbincangan dengan rakan-rakan dalam kumpulan-kumpulan kecil," ujar Chu yang mendapat keputusan 10A semasa SPM dahulu. (*Portal Utusan*, 27 Februari 2004).

Mohd. Mustakim Mohamad, pelajar terbaik peperiksaan Sijil

Pelajaran Malaysia (SPM) 2000, dari Sekolah Menengah Kebangsaan Datuk Syed Omar, yang memperoleh keputusan 10A1 berkata, beliau mendisiplinkan diri dan tekun belajar walaupun tidak tinggal di asrama dan ibu bapa pula berjauhan. "Saya tidak menjadikan keluarga yang jauh sebagai alasan untuk gagal. Saya ketepikan perasaan rindu demi pelajaran untuk menjadi manusia yang berjaya," katanya. (*Portal Utusan*, 27 Februari 2004).

Mohamad Asmi Shakir dari Maktab Mahmud, pelajar cemerlang SPM 2001, mendapat A1 dalam sebelas mata pelajaran: Bahasa Melayu, Sejarah, Matematik, Matematik Tambahan, Fizik, Kimia, Biologi, Bahasa Arab Tinggi, Pendidikan Syariah Islamiah, Pendidikan al-Quran dan al-Sunah serta Bahasa Inggeris (A2). Beliau menyatakan "Resipi untuk seseorang pelajar itu mencapai kejayaan ialah memberikan tumpuan sepenuhnya terhadap pelajaran di samping pandai membahagikan masa belajar dan bermain. Saya juga turut mengambil kelas tambahan di tempat kerja bapa saya sendiri." (*Berita Harian*, 15 Februari 2002).

Ahmad Atiq Abdul Hamid, mendapat 15A dalam peperiksaan SPM 2003, 14A1 bagi mata pelajaran Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Pendidikan Islam, Sejarah, Matematik, Sains, Geografi, Matematik Tambahan, Perdagangan, Prinsip Akaun, Ekonomi Asas, Fizik, Kimia dan Tasawur Islam dan A2 bagi mata pelajaran Biologi. Beliau berkata "Bagi saya, kita perlu pandai membahagi masa untuk belajar, berehat dan beriadah kerana semua ini penting bagi menghilangkan tekanan serta membolehkan kita menjalani hidup bermasyarakat." (*Cikgu Net*, tanpa tarikh).

Tidak dinafikan faktor-faktor yang menyumbang kepada kejayaan pelajar saling bergantung dan sokong-menyokong antara satu sama lain. Pelajar yang berjaya tentu memiliki azam yang didorong oleh wawasan dan cita-cita yang jelas dan diikuti dengan kemahiran belajar yang berkesan. Kejayaan itu juga mungkin didorong oleh faktor luaran. Dalam penelitian maklum balas pelajar di atas menunjukkan bahawa faktor dalaman adalah lebih ketara. Faktor dalaman yang dimaksudkan merangkumi kemahiran atau teknik bela-

jar yang betul, pengurusan masa belajar dan masa beriadah yang berkesan, cara terbaik ulang kaji pelajaran, dan sikap yang positif seperti mahu bertanya kepada guru dan hubungan baik dengan rakan untuk belajar secara berkumpulan. Bagaimanapun faktor luaran yang tersembunyi pasti memainkan peranan penting tetapi tidak dinyatakan oleh pelajar secara langsung. Antara faktor luaran ialah kestabilan keluarga, suasana kondusif di rumah, persekitaran yang merangsang pelajar untuk maju, rakan-rakan yang membantu ke arah kejayaan, dan model orang yang berjaya (Supyan 2002; Salihin 1993).

### METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini melibatkan 1,463 pelajar sekolah menengah (tingkatan tiga dan tingkatan lima) yang mengikuti program motivasi kecemerlangan diri yang diadakan dari bulan Februari hingga Julai 2004 di Pahang. Sekolah terbabit ialah Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Bentong, Sekolah Menengah Teknik Kuala Lipis, Sekolah Menengah Kebangsaan (P) Methodist Kuantan, Sekolah Menengah Kebangsaan Simpang Pelangai, Sekolah Menengah Kebangsaan Chemomoi, Sekolah Menengah Teknik Kuantan, Sekolah Menengah Kebangsaan Paloh Inai, Sekolah Menengah Kebangsaan Mentakab dan Sekolah Menengah Kebangsaan Pandan, Kuantan. Program motivasi kecemerlangan diri yang dijalankan sehari suntuk di sekolah-sekolah berkenaan dari pukul 8.00 pagi hingga pukul 5.00 petang adalah bertujuan untuk membuka minda dan membangkitkan semangat tinggi pelajar sebagai persiapan menghadapi peperiksaan PMR (Peperiksaan Menengah Rendah) dan SPM (Sijil Pelajaran Malaysia).

Kandungan program motivasi ini dibahagi dua; konsep dan amalan. Dalam pembentangan konsep, pelajar didedahkan kepada formula kecemerlangan diri (falsafah, matlamat hidup), kemahiran belajar termasuk kemahiran mengurus masa dan mengurus tekanan, diet, istirahat, riadah dan hubungannya dengan potensi otak. Sementara dalam sesi amalan pula, pelajar mengambil bahagian dalam latihan-dalam-kumpulan (LDK) yang menuntut pelajar mengaplikasi konsep

dan prinsip yang dipelajari pada sebelah pagi. Di akhir program ini, para peserta diminta untuk menulis sekurang-kurangnya lima masalah utama yang mereka hadapi di atas sehelai kertas tanpa menulis nama mereka pada kertas berkenaan supaya mereka merasa 'lebih selamat' untuk menyatakan masalah mereka secara terbuka dan bebas. Respons pelajar ini kemudian dikutip, dikategori kepada lima bahagian seperti yang disebutkan di atas. Bagi setiap bahagian terdapat subbahagian pula. Bagaimanapun perincian respons bagi setiap kategori boleh dilihat pada Lampiran 1.

### DAPATAN KAJIAN

Data yang dikutip adalah bersifat kualitatif, iaitu respons bertulis yang diserahkan oleh pelajar. Untuk memudahkan perbincangan dan analisis, data ini dipindahkan kepada bentuk kuantitatif di mana ia dikategorikan kepada lima bahagian. Setiap respons dimasukkan ke dalam kategori berkaitan dan kemudian respons tersebut dijumlahkan dalam bentuk bilangan dan peratus mengikut taburan frekuensi seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1 di bawah.

**Jadual 1: Taburan frekuensi masalah pelajar**

Masalah	N=	1,463	%
Masalah pembelajaran	(kognitif),	1,281	87.6
Masalah dengan rakan	(komunikasi/sosial),	780	53.3
Masalah dengan keluarga	(rumah),	889	60.7
Masalah dengan sekolah	(interaksi formal)	646	44.1
Masalah diri sendiri	(sahsiah)	1,273	87.0

Daripada 1,463 pelajar yang memberi respons, terdapat dua masalah yang ketara iaitu masalah pembelajaran (kognitif) dan masalah diri (sahsiah). Kedua-dua masalah ini adalah berfokus kepada aspek dalaman pelajar dan bukan aspek luaran mereka. Walaupun begitu, tidak dinafikan bahawa aspek luaran juga boleh mempengaruhi personaliti dan tingkah laku pelajar serta prestasi mereka dalam pela-

jaran. Jadual 1 menunjukkan bahawa lebih 87 peratus menyatakan bahawa pelajar ini mempunyai masalah pembelajaran dan merkamkan masalah sahsiah yang mereka hadapi.

Sementara itu masalah pelajar dengan rakan (53 peratus) dan masalah pelajar di sekolah (44 peratus) agak sederhana berbanding dengan masalah pelajar dengan keluarga yang mencecah 60 peratus.

Pada keseluruhannya, masalah pembelajaran merupakan masalah yang paling serius di kalangan pelajar-pelajar ini. Apabila dilihat dengan lebih teliti dan mendalam mengenai masalah pembelajaran peserta, kita dapati bahawa kebanyakan pelajar (83 peratus) tidak mempunyai kemahiran atau teknik belajar yang baik, sama ada ketika mereka belajar bersendirian mahupun ketika berada di dalam kelas seperti mana yang ditunjukkan dalam Jadual 2.

**Jadual 2: Masalah pembelajaran di kalangan pelajar**

MASALAH PEMBELAJARAN		
	N	%
Masalah belajar sendiri		
Masalah tidak tahu teknik membaca yang berkesan, mendengar dengan baik, membuat nota, tidak faham, tidak ingat, tidak minat, bosan, belajar ikut mood, tidak dapat ikut jadual sendiri, tidak dapat beri tumpuan		
Masalah mengantuk semasa belajar/ dalam kelas/ tidak cukup tidur	545	43
Belajar dalam kelas		
Tidak boleh beri tumpuan; tidak faham cikgu mengajar, tidak minat pada subjek		
Pelajaran laju sangat	522	40
Mengurus masa		
Tidak cukup masa buat kerja sekolah, tidak ada jadual, tidak sempat ulang kaji	214	17
Jumlah	1,281	100%

Lazimnya banyak pihak menganggap bahawa kemahiran belajar (*study skills*) adalah suatu yang terbina secara sendirian dan tidak perlu kepada latihan atau pendedahan yang berstruktur. Sebahagian juga menganggap bahawa pihak sekolah sudah pasti memainkan peranan mengajar pelajar bagaimana belajar dengan betul. Sekiranya andaian ini benar, mengapa ramai pelajar melahirkan rungutan mereka terhadap persoalan pembelajaran mereka sendiri. Apakah pendekatan pengajaran di sekolah tidak mampu menangani masalah kemahiran belajar di kalangan pelajar? Atau apakah penekanan yang dibuat lebih berorientasikan keputusan peperiksaan sehingga mengabaikan kepentingan kemahiran belajar yang diperlukan oleh pelajar untuk jangka panjang. Atau apakah tugas yang diberikan terlalu banyak sehingga membebankan pelajar seperti mana yang pernah dilaporkan oleh satu kumpulan penyelidik dari Australia yang mendapati bahawa pelajar sekolah Malaysia menghabiskan masa 3.8 jam sehari untuk menyelesaikan kerja sekolah di rumah berbanding dengan dua jam sehari bagi pelajar sekolah di Australia, 1.7 jam di Jepun, dan 2.1 jam di Amerika Syarikat (*The Malay Mail*, 20 Julai 2004).

Antara rungutan pelajar ialah:

- Saya tidak cukup masa untuk belajar.
- Saya selalu mengantuk dalam kelas.
- Susah nak baca di rumah.
- Saya tidak dapat beri tumpuan dalam kelas. Mengapa?
- Tak tahu macam mana nak mengingat dan menghafal.
- Saya sering melamun ketika membaca. Tak tahu macam mana nak beri perhatian.
- Susah nak faham apa yang cikgu ajar.
- Saya tidak tahu macam mana buat nota yang baik.
- Saya tak suka beberapa subjek. Macam mana nak tambah minat pada subjek itu?
- Saya belajar ikut *mood*.
- Kenapa saya gagal walaupun saya dah belajar betul-betul?

Kemahiran belajar bukan sahaja membuat kerja rumah dan ulang kaji apa yang telah diajar tetapi juga meliputi kemahiran membaca (misalnya, apa yang dibaca, bagaimana membaca, tempat dan masa yang sesuai untuk membaca), kemahiran membuat nota, kemahiran mendengar, kemahiran bertanya, kemahiran belajar sendirian, kemahiran belajar berkumpulan, kemahiran membuat rujukan, kemahiran mencari maklumat, kemahiran mengingat, kemahiran menghafal, kemahiran menulis esei, kemahiran menjawab soalan peperiksaan, kemahiran mengurus masa dan kemahiran mengurus tekanan (Supyan 2002; Hassan, 1996; Salihin 1993; Siti Hawa 1989).

Masalah kedua terbesar yang dihadapi oleh pelajar ialah masalah sahsiah diri iaitu peribadi, personaliti, keyakinan diri, tabiat dan intrapersonal. Terdapat pelbagai masalah yang dihadapi oleh pelajar seperti yang disenaraikan dipaparkan di bawah ini.

### **Jadual 3: Masalah diri pelajar**

#### **MASALAH DIRI**

##### **Wawasan, motivasi**

Malas belajar, bosan, tidak bersemangat belajar  
Tidak yakin, cepat putus asa, rendah diri, sudah terlambat  
Sukar nak ubah sikap, tidak ada wawasan  
Tiada model orang berjaya 475

##### **Mental dan emosi**

Emosi, cepat marah, 'tension'  
Mahu bunuh orang  
Rasa terkongkong 231

##### **Cinta**

Bercinta/putus cinta/cemburu  
Gayut telefon  
Surat cinta 134

**Deviasi**

Rokok

Onani, lesbian, homo, VCD lucuh, fikir fantasi

Gaduh, gengsterisme

Geng motor, lumba motor 93

**Kesihatan/Fizikal**

Asma, jerawat, rambut gugur, migrain

Berat badan berlebihan

Rupa tidak cantik 76

**Lain-lain**

Bangun lambat; tidur berlebihan

Tidak pandai berkomunikasi interpersonal

Tidak pandai baca Quran

Tidak melakukan ibadat/kurang didikan agama

Tidak solat/tak pandai

Lepak, keluar malam, main *game*

Tak mahu dengar nasihat ibu bapa 264

Jumlah 1,273

Masalah sahsiah diri ini merangkumi 87 peratus daripada keseluruhan masalah yang dinyatakan oleh para peserta seramai 1,463. Lebih spesifik lagi didapati bahawa ramai pelajar (475 orang) mempunyai masalah wawasan dan motivasi diri yang merupakan faktor dalaman. Apabila faktor dalaman ini tidak jelas, sudah pasti motivasi intrinsik tidak kukuh. Sekali gus ia tidak mendorong pelajar untuk melakukan sesuatu secara sukarela. Dapatan ini pada umumnya menunjukkan betapa pelajar sekolah amat memerlukan bimbingan dan kaunseling yang berterusan bagi menangani masalah dalam diri pelajar. Pelajar juga perlu mempelajari kemahiran mengurus masa dan kemahiran mengurus tekanan agar mereka dapat menangani beberapa masalah secara sendirian. Umpamanya terdapat beberapa kes peribadi yang

agak serius dan kronik.

- Saya sering tidak dapat melakukan apa yang orang lain dapat lakukan. Mengapa? Saya sudah cuba beberapa kali dengan sedaya upaya.
- Saya tidak bersemangat nak belajar.
- Saya mahu berjaya tapi saya tak yakin saya mampu.
- Saya cepat marah dan mudah merajuk.
- Saya sudah ketagihan rokok. Saya mesti hisap rokok 2-3 batang setiap hari.
- Saya pegang jawatan dalam persatuan dan aktif dalam sukan. Tapi saya tak mahu gagal dalam pelajaran, dan tak mahu lepaskan jawatan dan bersukan. Macam mana?
- Saya tak tahu apa yang patut saya pelajari? Bila nak ulang kaji? - Macam mana cara nak belajar dengan betul.

Masalah sahsiah diri ini sudah tentunya akan memberi kesan yang besar ke atas prestasi pelajar. Apabila mental, jiwa dan emosi terganggu atau tidak stabil, maka pelajar tidak akan dapat memberi tumpuan sepenuhnya pada pelajaran.

Ditambah pula masalah pelajar dengan keluarga (60.7 peratus), masalah pelajar dengan rakan (53.3 peratus) dan masalah pelajar dengan sekolah (44.1 peratus) seperti dalam Lampiran 1. Walaupun peratusan masalahnya tidak besar tetapi ia tetap memberi kesan jangka panjang dalam kehidupan pelajar. Dipaparkan di bawah ini petikan keluhan pelajar daripada respons yang diberikan.

### **Masalah dengan keluarga di rumah**

- Saya ingin berjaya dalam peperiksaan tapi saya inginkan perhatian penuh daripada keluarga.
- Saya rimas dengan ayah saya. Dia tidak benar saya belajar di tempat lain kecuali di rumah. Kadang-kadang saya nak bertukar tempat belajar.
- Mak ayah saya nak bercerai. Saya tak tahu kenapa. Ayah saya dah lama tak balik dan tak bagi nafkah hidup.

- Tolonglah saya, saya *tension*. Saya tak dapat beri tumpuan pada pelajaran saya. Saya rasa hidup saya tak bererti lagi. Mak ayah sudah pencen. Ibu saya meninggalkan rumah tanpa berita. Ayah pula entah ke mana. Saya adik-beradik menjadi mangsa.
- Ayah saya lebihkan adik saya. Mentang-mentanglah saya tinggal dengan nenek. Bila saya balik, ayah buat tak tahu aja. Mujur mak saya tak macam tu.

### Masalah dengan rakan

- Saya selalu dipinggirkan oleh kawan-kawan. Saya tak tahu kenapa tapi saya rasa mungkin disebabkan saya bodoh dan tak banyak cakap.
- Saya ada seorang kawan tetapi selepas dia nampak saya *couple* dengan pelajar lelaki yang dia minati, dia tidak mahu kawan dengan saya lagi. Bukan itu aja, dia asyik ganggu saya. Sekarang saya tidak boleh belajar dengan baik.
- Susah saya nak berhenti rokok sebab kawan-kawan.
- Kawan selalu ejek-ejek saya. Saya benci.

### Masalah dengan sekolah

Cikgu tidak pandai mengajar. *Boring*.

Tandas dan longkang sekolah ini busuk. Pening kepala saya.

Susah nak belajar.

Cikgu pilih kasih.

Cikgu jarang masuk kelas.

Terlalu banyak tugasan kelas.

Warden asrama terlalu bengkung. Tidak mahu dengar penjelasan langsung.

Cara cikgu mengajar tidak tarik perhatian dan susah nak ikut.

Aktiviti kokurikulum terlalu banyak.

Ketiga-tiga masalah ini adalah masalah yang ada hubungan dengan aspek luaran. Salah satu cara mengurus tekanan ialah menangani

sesuatu masalah yang di bawah kawalan kita (*mind tools* atas talian). Ertinya masalah pembelajaran dan masalah sahsiah diri adalah perkara yang berlaku dalam sempadan diri dan sempadan tersebut adalah di bawah kawalan individu itu sendiri. Faktor dalaman adalah di bawah kawalan diri. Manakala masalah dengan keluarga, rakan dan sekolah pula berlaku di luar sempadan diri dan di luar kawalan individu. Faktor luaran tidak dapat dikawal oleh individu. Oleh itu, ia menuntut agar pelajar mempunyai kekuatan dalaman termasuk motivasi intrinsik, kemahiran menangani tekanan, kemahiran menangani konflik diri, kemahiran mengurus masa dan keterampilan serta keyakinan diri.

### IMPLIKASI DAN CADANGAN

Implikasi daripada dapatan kajian ini menunjukkan bahawa masalah pembelajaran adalah yang paling serius dihadapi oleh pelajar dan diikuti dengan masalah sahsiah pelajar. Seperti mana yang dinyatakan sebelum ini, bilangan pelajar yang ponteng sekolah tidaklah sebesar mana, tetapi bilangan pelajar yang tidak ponteng mempunyai masalah belajar yang serius dan memerlukan perhatian yang sewajarnya dalam pembelajaran mereka. Ramai pihak, termasuk guru, pada umumnya beranggapan bahawa pelajar tidak mempunyai masalah terhadap strategi atau teknik belajar yang berkesan. Malah ada yang menganggap bahawa strategi dan teknik belajar yang betul adalah perkara yang seharusnya sudah selesai sejak di sekolah rendah lagi, dan pelajar tidak perlu kepada latihan kemahiran strategi dan teknik belajar yang pintar. Umum berpendapat bahawa sekiranya pelajar rajin belajar maka sudah pastinya mereka akan berjaya. Tetapi andaian ini tidak semestinya tepat kerana ada faktor lain yang mempengaruhi tahap kerajinan pelajar. Antara faktor ini ialah motivasi dalaman yang bertolak daripada wawasan dan cita-cita pelajar; faktor motivasi luaran atau persekitaran yang mendorong pelajar untuk terus maju; dan faktor teknik belajar yang betul. Supyan (2002) meletakkan aspek kerajinan sebagai nombor empat dalam kerangka formula kecemerlangan diri yang diperkenalkannya iaitu **SMART** (**Sedar, Mahir, Akhlak, Rajin,**

**Tenang**). Ke**Sedaran** yang tinggi tentang pentingnya berjaya dalam pelajaran serta memiliki wawasan hidup dan ke**Mahiran** belajar yang berkesan di samping disokong oleh kekuatan **Akhlak** dan disiplin akan mendorong pelajar untuk belajar lebih **Rajin** dalam pelajarannya, dan akhirnya ke**Tenangan** akan hadir di saat hampir dengan peperiksaan. Ini bermakna pihak sekolah perlu membimbing pelajar supaya belajar secara 'pintar' (*study smart*) dengan menggunakan teknik belajar tertentu dan bukan belajar 'rajin' (*study hard*) semata-mata melalui seminar atau bengkel.

Lantaran, program yang dijalankan di sekolah haruslah mempunyai kesinambungan antara satu sama lain. Misalnya, pada peringkat awal pihak sekolah haruslah mengenal pasti potensi pelajar dari sudut stail pembelajaran pelajar, diikuti dengan mengadakan ikrar aku janji pelajar untuk cemerlang dengan bersaksikan guru serta ibu bapa sebagai pencetus semangat, kelas tambahan, kelas bimbingan, klinik mata pelajaran, siri motivasi (mingguan dan perdana), motivasi diri, teknik menjawab soalan, latih tubi, kem mata pelajaran, siri solat hajat berjemaah (mingguan dan perdana), ponteng sifar, *mentor-mentee* serta gerak gempur bagi mata pelajaran teras, terutama subjek kritikal. Pertautan antara satu program dengan program yang lain ini sudah pasti akan membuahkan hasil yang lebih baik.

Fokus bimbingan juga harus mengimbangi penggunaan otak kiri dan kanan melalui aktiviti yang dijalankan supaya pelajar dapat mengoptimumkan kekuatan memori mereka untuk berfikir secara kreatif dan kritikal di samping mampu mengingat dan menghafal dengan berkesan. Program gerak gempur yang dijalankan pada saat menghadapi peperiksaan di sekolah-sekolah boleh membantu tetapi hanya untuk jangka masa pendek sahaja. Apa yang kita bimbang ialah pelajar dilatih sebagai robot untuk menjawab soalan-soalan peperiksaan dan bukan untuk melatih kemahiran belajar yang berkesan untuk jangka panjang. Setelah tamat peperiksaan, semangat untuk terus belajar akan terhenti semasa cuti. Dalam erti kata lain, konsep 'budaya belajar sepanjang hayat' atau 'budaya mencari ilmu' tidak akan wujud di kalangan kebanyakan pelajar dan keluarga pelajar selepas peperiksaan.

Selain daripada program bimbingan di sekolah yang dijalankan oleh kaunselor dan guru-guru, program-program motivasi yang dikendalikan oleh pihak ketiga atau pihak luar juga boleh meninggalkan kesan yang mendalam dalam diri pelajar. Dalam hal ini, teori mengenai 'orang ketiga' harus diambil kira apabila 'orang kedua' iaitu guru dan kaunselor di sekolah tidak lagi dapat mengubah paradigma pelajar atau membawa perubahan yang ketara dalam diri pelajar kerana pelajar sudah 'biasa' dengan pihak kedua di sekolah. Ini tidaklah bermakna guru dan kaunselor di sekolah berkenaan tidak berwibawa tetapi kehadiran 'orang ketiga' dalam masa yang singkat bersama program yang berkesan boleh mengubah suasana dan minda pelajar di sekolah. Meskipun program motivasi tumbuh bagaikan cendawan selepas hujan di sana sini, sebahagiannya bersifat *touch-n-go* yang dikendalikan oleh ahli-ahli perniagaan yang lebih berminat mencari keuntungan. Bukan itu sahaja, malah terdapat pemudah cara motivasi yang mengendalikan program motivasi itu bukan daripada kalangan pendidik atau orang yang pernah terlibat dalam dunia pendidikan yang lebih memahami masalah pelajar, pembelajaran, disiplin pelajar dan pengurusan sekolah. Bayaran yuran yang dikenakan ke atas pelajar yang mengikuti program-program pula ada yang terlalu mahal hingga mencecah RM200 setiap pelajar untuk sehari. Kesudahannya, apakah bayaran mahal itu berbaloi bagi pelajar?

Seterusnya, pihak sekolah melalui Kementerian Pelajaran Malaysia dengan kerjasama RTM dan syarikat penyiaran radio dan televisyen haruslah mengadakan slot khas bagi membicarakan masalah-masalah di atas dalam bentuk forum, diskusi dan sesi soal jawab yang dijalankan dari semasa ke semasa agar lebih ramai ahli masyarakat menjadi lebih peka terhadap masalah bersama ini serta dapat mengambil manfaat daripada program-program ini. Tidak seperti mana ceramah motivasi yang terdapat di kaca TV pada sebelah pagi selama ini yang bersifat satu hala, program forum, diskusi dan sesi soal jawab masalah pembelajaran dan yang berkaitan dengannya harus bersifat dinamis dua hala. Program seperti ini diyakini akan dapat mendidik masyarakat umum dan kelompok pelajar khususnya secara

tidak langsung di samping dapat menangani masalah-masalah lain yang dihadapi oleh pelajar. Kelompok pelajar adalah kelompok terbesar dalam negara selepas kelompok kakitangan kerajaan; dengan itu, perhatian khusus harus diberikan kepada kelompok ini yang bakal menjadi generasi pemimpin masa depan.

## KESIMPULAN

Masalah pelajar nakal dan pelajar yang terlibat dengan pelbagai masalah sosial dan juvenil adalah antara perkara yang sentiasa mendapat perhatian masyarakat. Tetapi masalah pembelajaran dan masalah yang berkaitan dengannya tidak begitu popular kerana mungkin kita menganggap bahawa pelajar yang mahu ke sekolah adalah pelajar yang tidak bermasalah kepada ibu bapa, guru, rakan-rakan dan masyarakat. Kita lupa bahawa golongan ini juga mempunyai masalah tertentu yang jika tidak ditangani dengan baik akan membawa kepada masalah sosial khususnya apabila mereka tercidir daripada pelajaran. Khidmat kaunseling dan bimbingan harus dipertingkatkan termasuk mengadakan program-program motivasi, kemahiran belajar, pengurusan masa dan pengurusan tekanan. Bagaimanapun kajian mengenai keberkesanan khidmat kaunseling dan program motivasi harus dijalankan bagi meneliti sejauh manakah khidmat dan program motivasi yang dijalankan di sekolah-sekolah membantu membina keyakinan diri para pelajar, sejauh manakah program ini mampu memantapkan hubungan ukhuwah sesama pelajar, dan sejauh manakah ia memberi kesan ke atas prestasi pelajaran pelajar. Hasil kajian di atas menunjukkan betapa banyak lagi ruang yang perlu diteliti bagi membantu pelajar menangani permasalahan pembelajaran mereka.